



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS PECAH TANAH BAGI**

**PROJEK MENAIKTARAF JALAN PERSEKUTUAN (FT003) DARI BANDAR
PEKAN KE KAMPUNG SUNGAI MIANG, PEKAN, PAHANG**

OLEH YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA

**PADA
15 APRIL 2018 (AHAD)**

**MASA
10.00 PAGI**

**TEMPAT
TAPAK PROJEK**

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Dihormati Saudara dan Saudari Pengerusi Majlis

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia / Ahli Parlimen Pekan

Yang Berhormat Dato' Sri Diraja Hj. Adnan Bin Hj. Yaakob
Menteri Besar Pahang / Ahli Dewan Undangan Negeri Pelangai

Yang Berhormat Datuk Rosnah Bt Abdul Rashid Shirlin
Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Zaki Ansore Bin Mohd Yusof
Ketua Pengarah ICU, Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Roslan Bin Md Taha
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berhormat Dato' Ir Hj. Abdul Jalil Bin Hj. Mohamed
Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang

Pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, agensi dan jabatan kerajaan yang lain, pihak Kontraktor TERAS SARI SDN. BHD., rakan-rakan media, seterusnya Dato-dato, Datin-datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama di dalam Majlis Pecah Tanah Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan (FT003) dari Bandar Pekan Ke Kampung Sungai Miang, Pekan Pahang. Sesungguhnya hari ini adalah merupakan hari yang amat bermakna bagi penduduk negeri Pahang, khususnya penduduk di daerah Pekan kerana jalan persekututan FT 003 iaitu laluan utama dari bandar Pekan ke Nenasi akan dinaiktaraf yang mana ianya akan dapat memberikan lebih keselesaan kepada pengguna jalan raya.
2. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kasih dan mengalu-alukan kehadiran YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kerana sudi meluangkan masa untuk

menghadirkan diri ke majlis pecah tanah bagi projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya rakamkan kepada Kerajaan Negeri Pahang, JKR Negeri Pahang, JKR Daerah Pekan dan juga mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung kerana telah memberi kerjasama dalam menjayakan majlis ini.

Tan Sri', Dato' Sri, Dato'-Dato' dan para hadirin sekalian

3. Seringkali kita mendengar pernyataan yang menyebut bahawa pembangunan infrastruktur adalah merupakan penanda aras kepada kemajuan sesebuah negara. Dalam hal ini, tahap pembangunan infrastruktur di Malaysia juga tidak terkecuali. Contohnya, pembangunan rangkaian jalan raya, lebuh raya, jambatan, hospital, sekolah dan prasarana lain, yang sentiasa mendapat perhatian umum. Ianya terbukti dengan pemilihan tema Bajet 2018 iaitu 'MEMAKMUR EKONOMI YANG INKLUSIF, MENGIMBANG KEUNGGULAN DUNIAWI DAN UKHRAWI DEMI MENSEJAHTERA KEHIDUPAN RAKYAT, MENUJU ASPIRASI TN50'.

4. Untuk makluman hadirin, Tema Bajet 2018 ini boleh dibahagikan kepada beberapa kata kunci iaitu 'Memakmur Ekonomi', 'Inklusif' dan 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat'. Gabungan kepada semua kata kunci ini menjadi teras Kementerian Kerja Raya dalam menyediakan dan memastikan infrastruktur yang disediakan, memenuhi kehendak rakyat serta menjadi asas kepada pembangunan ekonomi negara. Dengan pembangunan infrastruktur seperti **Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan (FT003) dari Bandar Pekan Ke Kampung Sungai Miang, Pekan Pahang** ini bukan sahaja akan dapat memberikan keselesaan kepada penduduk di sekitarnya tetapi akan membantu meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi di sepanjang koridor berkenaan dengan adanya kemudahan jalanraya yang lebih baik dan cekap. Ianya sejajar dengan matlamat Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Dato' Sri, Dato'-Dato' dan para hadirin sekalian

5. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju meluluskan pembiayaan projek infrastruktur jalan dan jambatan di Negeri Pahang di dalam Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia KeSebelas (RP2 RMK-11) yang bernilai

RM3.7 bilion. Salah satu projek infrastruktur yang menjadi senarai keutamaan adalah Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan (FT003) dari Bandar Pekan Ke Kampung Sungai Miang, Pekan, Pahang ini yang melibatkan jalan sepanjang 15 km dengan kos keseluruhan sebanyak RM406.36 Juta.

6. Pada asalnya cadangan pelaksanaan projek ini telah diluluskan di bawah RP2, RMK-10 yang melibatkan kerja-kerja rekabentuk dan pengambilan tanah bagi sepanjang 109km yang melalui dua (2) daerah iaitu daerah Pekan dan Rompin. Ia dibahagikan kepada lima (5) fasa iaitu:
 - a. Fasa 1: Bandar Pekan ke Kg Sg. Miang, Daerah Pekan sejauh 15km
 - b. Fasa 2: Kg Sg. Miang ke Tg. Batu, Daerah Pekan sejauh 29 km
 - c. Fasa 3: Tg. Batu, Daerah Pekan ke Leban Chondong, Daerah Rompin sejauh 25 km
 - d. Fasa 4: Leban Chondong ke Kuala Pontian, Daerah Rompin sejauh 19km dan
 - e. Fasa 5: Kuala Pontian ke Endau, Daerah Rompin sejauh 21km.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan projek di bawah RP2, RMK11 untuk Fasa 1 iaitu **“MENAIKTARAF JALAN PERSEKUTUAN FT003 DARI BANDAR PEKAN KE KAMPUNG SUNGAI MIANG, PEKAN, PAHANG”**.

7. Kementerian Kerja Raya sememangnya amat berbesar hati dapat melaksanakan satu lagi projek yang dapat memberi manfaat kepada rakyat terutamanya penduduk setempat dan pengguna jalanraya lain. Projek ini yang baru sahaja dimulakan pelaksanaannya pada 1 Mac 2018, dijangka dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh masa 48 bulan iaitu pada Februari 2022. Setelah siapnya projek ini kelak, kita akan dapat menyaksikan jalan persekutuan FT003 sedia ada yang dinaiktaraf daripada jalan tunggal dua (2) lorong dengan rekabentuk piawaian R3 kepada jalan berkembar empat (4) lorong dengan rekabentuk piawaian R5 sepanjang 13 km dari persimpangan Kg. Tanjung Agas ke Kg. Sg. Miang. Manakala, jalan sedia ada dari Bandar Pekan ke persimpangan Kg. Tanjung Agas sepanjang 1.7 km, akan dinaiktaraf daripada jalan tunggal dua (2) lorong piawaian R3 kepada piawaian R5. Selain itu, skop kerja lain yang turut terlibat di dalam projek ini adalah mengganti tiga (3) jambatan, membina tiga (3) jejantas pejalan kaki, menaiktaraf dua (2)

persimpangan berlampu isyarat dan pemasangan lampu jalan, Pengambilan Balik Tanah (PBT) dan pengalihan utiliti.

8. Projek seumpama ini merupakan salah satu daripada komitmen Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur yang berkualiti kepada rakyat Malaysia khususnya penduduk di Negeri Pahang. Dengan terbinanya projek ini, insyallah dapat mengurangkan kadar kemalangan di beberapa kawasan selekoh merbahaya, menaiktaraf jambatan sempit, dan menambah keselesaan kepada pengguna. Disamping itu, ia juga telah direkabentuk dengan aras jalan sedia ada telah dinaikkan bagi mengatasi beberapa kawasan rendah yang sering ditenggelami air dan terputus hubungan semasa musim tengkujuh.

9. Dengan adanya projek sebegini, secara tidak langsung dapat menjana pembangunan sosio ekonomi di kawasan sekitar khususnya kepada sektor industri pelancongan dan industri kecil dan sederhana di samping mewujudkan peluang pekerjaan, perniagaan dan industri. Ianya adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan Pendapatan Per Kapita kepada RM42,777 pada tahun 2018 berbanding RM40,713 pada tahun 2017.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

10. Saya percaya bahawa pembangunan prasarana seperti menaiktaraf laluan ini di samping menjadi nadi kepada pembangunan ekonomi dan sosio ekonomi rakyat di Pahang khasnya penduduk di daerah Pekan ini, impak secara langsung yang bakal dirasakan dengan pembinaan jalan ini adalah kelancaran trafik di Jalan Persekutuan sedia ada terutamanya pada waktu puncak dan musim perayaan.

11. Akhir kalam, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua agensi dan pihak yang terlibat dalam menyempurnakan majlis pecah tanah pada hari ini. Saya mewakili pihak Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya akan sentiasa memastikan projek-projek pembangunan Kementerian Kerja Raya di Negeri Pahang dipantau dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Dengan ini saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih YAB Perdana Menteri.